

Keberkesanan Teknik Pistum untuk Meningkatkan Penguasaan Perumpamaan dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah (*The Effectiveness of the Pistum Technique to Increase the Mastery of Parables Among Primary School Students*)

Helrina Natazsha Hafizzudin^{1*}, Nor Azwahanum Nor Shaid¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

*Pengarang Koresponden: hlrynatzsha97@gmail.com

Accepted: 15 March 2023 | Published: 31 March 2023

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.34>

Abstrak: Peribahasa merupakan tajuk pembelajaran yang kurang mendapat perhatian dalam kalangan murid kerana memerlukan pemikiran yang kreatif serta kritis untuk merungkai maknanya. Kajian ini dijalankan untuk murid mengenal pasti keberkesanan teknik PISTUM dan meneroka minat serta pengetahuan murid berkaitan perumpamaan. Kajian ini melibatkan empat orang peserta kajian, iaitu tiga orang murid dalam tahun 5 dan seorang guru Bahasa Melayu yang mengajar kelas tersebut. Reka bentuk kajian yang digunakan oleh pengkaji merupakan kajian kes sementara teori Relevans menjadi garis panduan utama kajian bagi menjawab persoalan kajian. Data kajian kualitatif ini dikumpul dengan menggunakan instrumen pemerhatian, temu bual, dan analisis dokumen. Inovasi teknik PISTUM telah diperkenalkan bagi membantu murid mengingat dan memahami perumpamaan dengan lebih mudah. Hal ini dapat dibuktikan melalui dapatan kajian, iaitu murid dapat mengaplikasikan teknik PISTUM dalam mengingat perumpamaan dan memahami maknanya. Murid juga mempunyai minat dan pengetahuan yang tinggi berkaitan perumpamaan selepas pengaplikasian teknik PISTUM. Dapatan kajian juga telah memberi impak kepada murid dari segi meningkatkan kemahiran bertutur dan menulis, mempelbagaikan teknik pengajaran yang lebih menarik serta menepati hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) untuk melahirkan modal insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Oleh itu, pengkaji berharap inovasi teknik PISTUM dapat membantu murid menguasai peribahasa, iaitu perumpamaan dan menjadi pemacu dalam usaha melestarikan peribahasa sebagai warisan bangsa.

Kata kunci: teknik PISTUM, penguasaan, memahami makna, perumpamaan

Abstract: Proverbs is a learning topic that receives less attention among students because it requires creative and critical thinking to unravel its meaning. This study was conducted for students to identify the effectiveness of the PISTUM technique and to explore students' interests and knowledge related to parables. This study involves four study participants, namely three students in year 5 and a Malay teacher who teaches the class. The research design used by the researcher is a case study while Relevance theory is the main guideline of the study to answer the research questions. The data of this qualitative study was collected by using observation instruments, interviews, and document analysis. The innovative PISTUM technique has been introduced to help students remember and understand parables more easily. This can be proven through the findings of the study, that is, students can apply the PISTUM technique in remembering parables and understanding their meaning. Pupils also have a high interest and knowledge related to parables after applying the PISTUM technique. The findings of the study

have also had an impact on students in terms of improving speaking and writing skills, diversifying more interesting teaching techniques as well as complying with the wishes of the National Education Philosophy (FPK) to produce balanced human capital from physical, emotional, spiritual and intellectual aspects. Therefore, the researcher hopes that the innovation of PISTUM techniques can help students master proverbs, i.e. parables and become a driver in the effort to preserve proverbs as a national heritage.

Keywords: PISTUM technique, mastery, understanding meaning, parable

1. Pengenalan

Peribahasa merupakan salah satu cabang sastra lama yang tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), peribahasa merujuk bidalan, pepatah, ayat atau kelompok kata yang tetap susunannya dan mempunyai maksud tertentu. Peribahasa dikatakan muncul sama waktu dengan wujudnya bahasa dan peradaban sesuatu bangsa (Abdullah, 2016). Hal ini boleh dikatakan bahawa hampir setiap bangsa seperti Cina dan India mempunyai peribahasanya sendiri. Perumpamaan digunakan oleh sesuatu bangsa untuk menonjolkan kebijaksanaan dan keindahan dalam berbahasa. Perumpamaan turut digunakan sebagai alat untuk berkomunikasi sama ada untuk menegur perbuatan yang tidak elok, memberi harapan, motivasi, menyindir, memberi arahan dan sebagainya yang dilambangkan melalui metafora. Unsur-unsur alam juga diselitkan kerana mempunyai perkaitan langsung dengan budaya dan cara hidup sesuatu bangsa tersebut.

Selain itu, perumpamaan Melayu ialah warisan negara dan bangsa. Menurut Ani (2018), perumpamaan telah dikategorikan sebagai Warisan Budaya Takketara Negara dan martabatnya harus dijaga setaraf dengan kedudukan pantun, syair, gurindam, seloka, teromba serta warisan-warisan lain dalam masyarakat Melayu. Seterusnya, kerajaan dan badan-badan terbabit telah merancang dan menjalankan pelbagai usaha untuk mempromosi serta mengekalkan kelangsungan warisan negara tetapi harus disedari bahawa semua usaha ini perlu berakar tunjang sejak bangku sekolah lagi. Jika tidak dimulakan sekarang, tidak mustahil suatu masa nanti warisan ini hilang dan lenyap begitu sahaja dalam jiwa anak muda walaupun telah lama wujud dalam kalangan kita. Perkara ini sangat membimbangkan jika generasi muda sekarang tidak mengetahui tentang ungkapan-ungkapan perumpamaan Melayu yang indah maknanya.

Kesimpulannya, kajian yang lebih komprehensif perlu dilakukan khususnya berkaitan dengan penguasaan kemahiran perumpamaan dalam kalangan rakyat Malaysia sejak daripada sekolah rendah lagi. Hal ini demikian kerana perumpamaan perlu dijaga martabatnya supaya seiring dengan peredaran zaman dan sentiasa hidup dalam diri setiap masyarakat. Guru juga bertanggungjawab bagi memastikan peribahasa Melayu terus tersemat dalam jiwa anak bangsa serta berkembang melalui penggunaan kemahiran berbahasa pada peringkat sekolah dan seterusnya dibawa ke dalam kehidupan bermasyarakat di luar sekolah.

Pernyataan Masalah

Peribahasa iaitu perumpamaan merupakan tajuk pembelajaran yang kurang mendapat perhatian dalam kalangan murid kerana memerlukan pemikiran yang kreatif serta kritis untuk merungkai makna setiap peribahasa. Perumpamaan merupakan salah satu aspek penting dalam pembelajaran Bahasa Melayu kerana telah ditekankan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Tahun 5, iaitu 1.6.2 berbicara menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara dengan jelas daripada media elektronik menggunakan ayat

yang mengandungi perumpamaan secara bertatasusila. Aspek perumpamaan haruslah dianggap sama pentingnya dengan aspek-aspek lain dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana peribahasa iaitu perumpamaan hidup dan berkembang bersama-sama aspek tersebut secara keseluruhannya.

Seterusnya, murid yang tidak mampu menguasai perumpamaan merupakan sesuatu yang sangat membimbangkan kerana perumpamaan merupakan khazanah Melayu yang sangat bernilai. Menurut Nor Hashimah dan Junaidi (2018), masyarakat kini kurang memberi perhatian terhadap penggunaan perumpamaan sendiri walaupun peribahasa dianggap sebagai kata-kata bijaksana yang mengandungi pengajaran dan teladan bagi diri sendiri serta kehidupan bermasyarakat. Hal ini disebabkan gaya hidup bangsa Melayu sekarang telah mengalami banyak perubahan mengikut peredaran zaman dari segi bahasa, pakaian, makanan, kesenian dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, sekiranya seseorang murid tersebut belajar peribahasa dalam keadaan yang menarik dan menyeronokkan sudah semestinya mereka mencintai peribahasa. Hal ini demikian kerana pembelajaran berasaskan perumpamaan berupaya untuk berkembang dan relevan dengan bahasa secara keseluruhannya (Ahmad Fuad dan Zaitul Azma, 2019). Pembelajaran dan proses dalam pemahaman makna perumpamaan secara mendalam serta menyeluruh dapat meningkatkan keupayaan berbahasa dalam kalangan murid. Kemahiran berbahasa ini pula dapat diteliti dalam konteks kebolehan murid menggunakan perumpamaan melalui aktiviti pembelajaran seperti hasil penulisan karangan. Hasil penulisan karangan tersebut tentunya menjadi lebih indah dan bermutu sekiranya dimuatkan dengan peribahasa lebih-lebih lagi perumpamaan yang tepat serta sesuai sekali gus melambangkan ketinggian kemahiran berbahasa murid tersebut.

Selain itu, Hamzah et al. (2019) menyatakan bahawa murid perlu diajar mengenai ciri dan penggunaan perumpamaan secara tepat dan bukannya hanya berfokuskan makna kamus semata-mata. Kaedah pengajaran dalam penyampaian kandungan pelajaran menggunakan kaedah chalk and talk tidak lagi sesuai diamalkan dalam arus pembelajaran abad ke-21 (PAK-21). Pernyataan tersebut disokong oleh Jalaluddin et al. (2019) kerana kaedah konvensional seperti *chalk and talk* tidak dapat menarik minat murid untuk terus fokus terhadap topik yang diajar. Murid juga menjadi pasif sewaktu proses PdP dan wujudnya jurang komunikasi antara guru dengan murid. Dalam konteks PdP topik perumpamaan juga murid tidak seharusnya digalakkan menghafal sesuatu perumpamaan dan maknanya sahaja, sebaliknya mereka harus dirangsang agar menggunakan perumpamaan dalam pelbagai situasi dengan kaedah pengajaran yang menarik.

Kepentingan Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk meningkatkan tahap penguasaan dalam kalangan murid sekolah rendah tahap dua, iaitu Tahun 5 terhadap pembelajaran perumpamaan. Hal ini kerana, teknik yang dicadangkan, iaitu teknik PISTUM dapat membantu murid menguasai perumpamaan dengan lebih mudah kerana murid dapat merungkai makna perumpamaan melalui perkaitan pengetahuan dan pengalaman sedia ada.

Seterusnya, kajian ini dapat dijadikan panduan atau alternatif lain bagi guru Bahasa Melayu untuk meningkatkan kemahiran pedagogi terhadap pengajaran perumpamaan. Apabila guru Bahasa Melayu menggunakan teknik PISTUM untuk meningkatkan kemahiran pedagogi mereka maka proses PdP menjadi lebih bermakna. Selain itu, kajian ini dilaksanakan bagi

memartabatkan warisan budaya negara, iaitu perumpamaan supaya tidak lenyap dibawa arus pemodenan.

Di samping itu, teknik PISTUM ini juga membantu menyediakan murid untuk mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) berkaitan perumpamaan. Hal ini demikian kerana perumpamaan mempunyai maksud yang tersirat dan memerlukan kemahiran yang kreatif serta kritis untuk mendapatkan maknanya. Akhir sekali, kajian ini dapat melahirkan modal insan yang mempunyai keterampilan dalam berbahasa. Murid yang menguasai perumpamaan mampu berkomunikasi dengan bersopan santun dan sentiasa mementingkan kesantunan dalam pergaulan seharian. Oleh itu, kajian ini amat penting untuk dijalankan supaya warisan budaya negara, iaitu perumpamaan kekal dalam jiwa setiap masyarakat sekaligus mampu melahirkan masyarakat yang bersopan santun serta beradab.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengenal pasti keberkesanan pengaplikasian teknik PISTUM dalam meningkatkan penguasaan perumpamaan dalam kalangan murid sekolah rendah.
- ii. Meneroka minat dan pengetahuan murid terhadap perumpamaan sebelum dan selepas pengaplikasian teknik PISTUM.

Persoalan Kajian

- i. Bagaimanakah teknik PISTUM dapat meningkatkan penguasaan perumpamaan dalam kalangan murid sekolah rendah?
- ii. Bagaimanakah minat dan pengetahuan murid selepas pengaplikasian teknik PISTUM terhadap perumpamaan?

2. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian kes yang berbentuk kualitatif. Kajian kes merupakan penerangan dan penganalisisan terperinci sesuatu fenomena atau sesebuah unit sosial (Faridah, 2019). Pengkaji memilih melakukan kajian kes kerana dapat membantu untuk memahami masalah murid dalam mengingati peribahasa iaitu perumpamaan dan memahami maknanya secara terperinci dengan hanya menggunakan sampel yang kecil, iaitu sebanyak tiga orang murid Tahun 5 dan seorang guru Bahasa Melayu. Pengkaji juga telah menggunakan pendekatan kualitatif kerana mampu memperoleh data yang realistik dan sesuai dengan kajian yang dilaksanakan.

Seterusnya, pengkaji telah memilih empat orang peserta kajian, iaitu tiga orang murid Tahun 5 dan seorang guru Bahasa Melayu. Peserta kajian yang dipilih adalah disebabkan kajian kualitatif dan bukan untuk digeneralisasi. Tiga orang murid tersebut merupakan murid daripada kelas 5 Nilofa, penutur jati bahasa Melayu dan mempelajari subjek Bahasa Melayu sejak daripada tadika lagi. Tiga orang murid tersebut juga terdiri daripada seorang murid perempuan dan dua orang murid lelaki. Pengkaji memilih tiga orang murid Tahun 5 tersebut kerana mereka mempunyai masalah untuk menguasai peribahasa dari segi mengingati dan memahami maknanya. Guru Bahasa Melayu tersebut merupakan guru yang mengajar tiga orang murid Tahun 5 tersebut. Guru tersebut merupakan seorang lelaki Melayu dan telah berkecimpung dalam dunia pendidikan selama 8 tahun.

Selain itu, instrumen kajian merupakan satu alat atau kaedah yang digunakan oleh penyelidik ketika menjalankan sesuatu penyelidikan (Ghazali & Sufean, 2018). Instrumen kajian

digunakan sebagai asas bagi memperoleh data seperti yang dikehendaki oleh penyelidik untuk mencapai objektif kajian. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah pemerhatian, temu bual, dan analisis dokumen. Di samping itu, pengumpulan data ialah proses mengumpul dan mengukur data untuk sesebuah kajian. Pengkaji mengumpul data secara triangulasi iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data kajian beserta bahan bukti seperti rakaman video, gambar dan catatan pemerhatian.

Kaedah pengumpulan data secara pemerhatian memberi peluang kepada pengkaji mendapat maklumat secara langsung terhadap program, proses atau sesuatu perkara yang ingin dikaji dalam situasi semula jadi (Fauziah et al., 2019). Pengkaji telah melakukan jenis pemerhatian tidak turut serta. Pemerhatian tidak turut serta melibatkan pengkaji hanya sebagai pemerhati tetapi tidak mengambil bahagian dalam situasi yang berlaku (Ruslan et al., 2018). Pengkaji hanya melakukan pemerhatian di kelas Tahun 5 Nilofa sewaktu pengajaran dan pembelajaran (PdP) peribahasa bagi subjek Bahasa Melayu. Antara aspek yang diperhatikan oleh pengkaji adalah seperti tingkah laku murid, respons murid, interaksi antara guru dengan murid, dan pedagogi guru.

Selepas pemerhatian dijalankan, pengkaji melengkapkan serta menghasilkan ringkasan catatan dan membuat transkripsi daripada pemerhatian dan rakaman video. Setiap data yang diperolehi dicatatkan dalam catatan pemerhatian. Data analisis awal membantu dalam meningkatkan kepekaan pengkaji selain menghasilkan soalan untuk ditemu bual dengan peserta kajian pada peringkat yang seterusnya. Seterusnya, kaedah temu bual merupakan sumber utama yang membolehkan pengkaji mengetahui dan memahami serta mendapatkan pengesahan tentang fenomena yang dikaji. Kaedah tersebut merupakan perbualan bertujuan yang memerlukan pengkaji bersemuka secara individu dengan peserta kajian bagi mendapatkan maklumat atau penjelasan mengenai sesuatu perkara. Temu bual dijalankan setelah pengkaji selesai melakukan pemerhatian.

Pengkaji telah menjalankan sesi temu bual bersama guru Bahasa Melayu tersebut untuk mengetahui teknik atau kaedah yang digunakan semasa pengajaran perumpamaan. Pengkaji juga telah bertanya kepada guru tersebut berkaitan respons atau tindak balas murid sepanjang pengajaran perumpamaan dan pencapaian murid. Bagi tiga orang murid Tahun 5 tersebut pula, pengkaji telah menanyakan soalan berkaitan pengetahuan mereka tentang perumpamaan dan juga meminta mereka menyenaraikan perumpamaan yang mereka ketahui beserta maknanya. Temu bual ini turut dijalankan untuk mengesahkan lagi pemerhatian yang telah dicatat dalam catatan pemerhatian. Selain itu, skrip temu bual telah dinyatakan lebih awal untuk memastikan kelancaran semasa proses temu bual berlaku. Di samping itu, pengkaji juga menanyakan soalan berbentuk terbuka supaya peserta kajian bebas untuk menyatakan pendapatnya tanpa panduan dan dorongan daripada pengkaji. Pengkaji memilih untuk bertanya soalan terbuka kerana data yang diperolehi bersifat pelbagai dan mudah untuk dianalisis.

Akhir sekali, analisis dokumen merupakan kaedah kajian yang digunakan bagi membuat kesimpulan yang boleh diulang dan sah dari teks atau bahan yang lain yang bermakna (Ruslan et al., 2018). Antara dokumen yang telah dianalisis adalah seperti buku kerja murid, buku rekod pencapaian murid, dan lembaran kerja yang pengkaji berikan sebelum memperkenalkan teknik PISTUM. Melalui analisis dokumen juga pengkaji dapat menganalisis tahap pencapaian serta mengesan kelemahan murid berkaitan perumpamaan berdasarkan data yang diperolehi dalam sebuah dokumen. Metode kajian yang dijalankan juga telus dan anjal kerana boleh diaplikasikan terhadap pelbagai jenis dokumen. Setelah mengumpul data menggunakan

pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen, pengkaji telah meningkatkan kesahan data dengan menggunakan proses triangulasi data. Hal ini demikian kerana untuk memastikan maklumat yang diperoleh adalah lebih tepat dan sah dari segi konstruk serta boleh dipercayai. Oleh itu, setiap data yang diperoleh melalui pemerhatian mestilah disokong dengan data-data yang didapati melalui temu bual dan seterusnya data-data daripada temu bual telah diperkukuhkan lagi melalui dokumen bagi menyokong serta memantapkan dapatan kajian.

3. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian sebelum menunjukkan bahawa peserta kajian tidak menguasai perumpamaan iaitu perumpamaan dari segi mengingati dan memahami maknanya. Hal ini telah dibuktikan berdasarkan hasil dapatan yang diperoleh melalui instrumen temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Pengkaji juga mendapati bahawa GBM tidak menggunakan teknik pengajaran yang spesifik bagi pembelajaran perumpamaan sewaktu pemerhatian dijalankan. Tahap minat dan pengetahuan sedia ada peserta kajian terhadap perumpamaan turut rendah kerana kebanyakan mereka menganggap pembelajaran perumpamaan merupakan sesuatu yang sukar. Oleh itu, hal ini jelas menunjukkan bahawa peserta kajian tersebut perlu dibantu bagi memastikan mereka dapat menguasai peribahasa iaitu perumpamaan dari segi mengingati dan memahami maknanya.

Pengkaji telah memperkenalkan teknik PISTUM kepada peserta kajian. Pengkaji juga telah menerangkan secara terperinci pelaksanaan teknik PISTUM kepada peserta kajian supaya mereka mempunyai gambaran yang jelas tentang teknik tersebut. Pengkaji telah memilih lima perumpamaan yang diajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 5, iaitu bagai anjing dengan kucing, bagai isi dengan kuku, seperti kerbau dicucuk hidung, seperti monyet mendapat bunga dan seperti telur dihujung tanduk. Pengkaji telah menerangkan kepada peserta kajian cara mendapatkan makna perumpamaan dengan menggunakan teknik PISTUM. Pengkaji menjelaskan bahawa teknik PISTUM ini terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu pisah, situasi dan cantum. Pada bahagian pisah, peserta kajian dikehendaki mencari subjek utama dalam perumpamaan yang telah diberikan. Subjek utama bagi perumpamaan yang telah dipilih dalam teknik ini adalah seperti anjing, kucing, kerbau, isi, kuku, telur, tanduk, kera dan bunga.

Setelah mendapatkan subjek utama dalam perumpamaan, peserta kajian perlu menyenaraikan ciri-ciri subjek pada bahagian ini. Pada bahagian ini juga peserta kajian perlu menyenaraikan seberapa banyak ciri-ciri subjek yang mereka ketahui supaya dapat membantu mereka menggunakan isi tersebut pada bahagian situasi. Berikut merupakan contoh jawapan peserta kajian pada bahagian pisah dalam teknik PISTUM:

Jadual 1: Contoh Jawapan Peserta Kajian (Pisah)

PISAH	
Perumpamaan	Jawapan Peserta Kajian A, B, dan C
1) Bagai anjing dengan kucing	1) Anjing – seekor haiwan yang garang, suka menyalak, berbulu, makan tulang dan kebiasaannya ditugaskan untuk menjaga rumah. 2) Kucing – seekor haiwan yang manja, comel, suka bermain, berbulu, ada misai, mengiau dan suka makan ikan.
2) Seperti kerbau dicucuk hidung	1) Kerbau – seekor haiwan yang suka makan rumput, bertanduk, berkaki empat, suka berendam dalam air atau lumpur dan selalu digunakan untuk menarik bajak di sawah.

3) Seperti telur di hujung tanduk	1) Telur – keras pada bahagian luar, berbentuk bujur, senang pecah dan isinya berwarna kuning serta berlendir. 2) Tanduk – keras, tajam, berwarna hitam dan kuat.
4) Bagai isi dengan kuku	1) Isi – berada pada bahagian dalam, lembut, berwarna putih kemerah-merahan dan mudah luka. 2) Kuku – berada pada bahagian luar untuk melindungi isi, keras, dan sentiasa tumbuh.
5) Seperti kera mendapat bunga	1) Kera – seekor haiwan yang suka makan pisang, suka bergayut pada pokok, berbulu, tinggal di hutan dan mempunyai ekor. 2) Bunga – sejenis tumbuhan, ada pelbagai jenis seperti bunga mawar dan bunga matahari, berwarna-warni, berbau harum, berduri dan cantik.



Selepas menyenaraikan ciri-ciri subjek pada bahagian pisah, peserta kajian perlu menggunakan isi tersebut untuk pada bahagian situasi. Pada bahagian situasi, peserta kajian dikehendaki untuk mengaitkan ciri-ciri yang telah disenaraikan pada bahagian pisah dengan pengetahuan atau pengalaman sedia ada. Peserta kajian juga boleh menggunakan kaedah 5W+1H bagi membantu mereka mengaitkan ciri tersebut dengan pengetahuan atau pengalaman sedia ada. Hal ini membantu peserta kajian menggunakan pengetahuan atau pengalaman sedia ada dalam pembelajaran perumpamaan dan secara tidak langsung menjadikan pengetahuan tentang perumpamaan kukuh dalam ingatan mereka. Berikut merupakan jawapan peserta kajian pada bahagian situasi:

Jadual 2: Contoh Jawapan Peserta Kajian (Situasi)

SITUASI	
Perumpamaan	Jawapan Peserta Kajian A, B, dan C
1) Bagai anjing dengan kucing	<ul style="list-style-type: none"> - Anjing dan kucing suka bergaduh apabila bertemu. - Hal ini demikian kerana anjing dan kucing bukan dalam spesies yang sama. - Anjing dan kucing suka bergaduh kerana anjing lebih besar daripada kucing.
2) Seperti kerbau dicucuk hidung	<ul style="list-style-type: none"> - Kerbau selalu digunakan untuk menarik bajak di sawah. - Petani menggunakan tali dan mengikat tali tersebut pada badan serta hidungnya untuk memudahkan petani menarik kerbau membajak sawah.
3) Seperti telur di hujung tanduk	<ul style="list-style-type: none"> - Apabila telur diletakkan pada hujung tanduk, telur tersebut jatuh dan pecah. - Hal ini demikian kerana bucu hujung tanduk adalah tajam dan telur tidak mempunyai permukaan yang rata.
4) Bagai isi dengan kuku	<ul style="list-style-type: none"> - Pada jari manusia, isi dan kuku sangat rapat dan tidak boleh dipisahkan. - Kuku berfungsi melindungi isi dan sekiranya kuku dicabut maka isi menjadi luka. - Isi terdedah dengan kuman apabila luka kerana proses pertumbuhan kuku baharu adalah lama.
5) Seperti kera mendapat bunga	<ul style="list-style-type: none"> - Sekiranya kera diberikan bunga maka kera makan atau menghancurkan bunga tersebut. - Hal ini demikian kerana kera merupakan haiwan sejenis omnivor, iaitu makan makanan seperti buah-buahan, bunga dan tumbuh-tumbuhan.

Jadual 2 menunjukkan bahawa peserta kajian telah berjaya mengaitkan ciri-ciri pada bahagian pisah dengan pengetahuan atau pengalaman sedia ada mereka pada bahagian situasi. Setelah berjaya mengaitkan ciri-ciri tersebut, peserta kajian mencantumkan isi pada bahagian pisah dan situasi untuk mendapatkan makna perumpamaan tersebut. Selepas peserta kajian berjaya mendapatkan makna perumpamaan maka peserta kajian perlu membina satu ayat berdasarkan perumpamaan yang diberikan. Berikut merupakan contoh jawapan peserta kajian selepas mengaplikasikan teknik PISTUM:

Jadual 3: Contoh Jawapan Peserta Kajian Selepas Pengaplikasian Teknik PISTUM

Bil	Contoh Jawapan	Catatan
1.		<ol style="list-style-type: none"> 1. Peserta kajian menyatakan bahawa maksud bagi anjing dengan kucing ialah dua orang yang suka bergaduh atau bertengkar apabila berjumpa. Hal ini dapat disamakan dengan situasi anjing dan kucing yang selalu bergaduh apabila bertemu. 2. Peserta kajian juga berjaya menyatakan makna perumpamaan bagi kerbau dicucuk hidung dengan betul, iaitu orang yang hanya mengikut arahan sahaja.
2.		<ol style="list-style-type: none"> 1. Maksud perumpamaan yang dinyatakan oleh peserta kajian adalah tepat, iaitu dua orang yang suka bergaduh. 2. Peserta kajian juga berjaya membina satu ayat menggunakan perumpamaan tersebut mengikut konteks yang betul, iaitu Amir dan Aiza sering bergaduh bagai anjing dengan kucing.

Berdasarkan Jadual 3, peserta kajian telah berjaya merungkai makna perumpamaan dengan menggunakan teknik PISTUM. Hal ini menunjukkan bahawa teknik PISTUM dapat membantu murid mengingat peribahasa dan memahami maknanya dengan lebih mudah. Pengkaji telah menjalankan temu bual dengan peserta kajian selepas memperkenalkan teknik PISTUM. Berdasarkan dapatan temu bual, pengkaji mendapati bahawa murid telah berjaya mengingat perumpamaan dengan baik. Hal ini dibuktikan dalam jadual seperti yang berikut:

Jadual 4: Dapatan Temu Bual Bersama-sama Peserta Kajian

Soalan: Boleh awak nyatakan contoh perumpamaan yang diketahui berserta makna?	
Peserta Kajian	Jawapan
A	<p>“Boleh boleh. Senang je. Contoh perumpamaan adalah bagai anjing dengan kucing. Ciri-ciri anjing adalah garang dan makan tulang manakala ciri-ciri kucing adalah manja dan comel. Apabila anjing dan kucing berjumpa, mereka pasti akan bergaduh sebab mereka bukan spesies haiwan yang sama. Jadi, maksud bagai anjing dengan kucing ialah dua orang yang suka bergaduh apabila berjumpa.”</p> <p>(RA/5 Nilofa/TI/40-42)</p>
B	<p>“Aaaa... seperti kerbau dicucuk hidung. Kerbau ni orang guna untuk membajak sawah. Macam atuk saya, dia ikat kerbau guna tali dan lilit di bahagian hidung kerbau tersebut</p>

	supaya senang nak tarik. Nanti kalau tak ikut macam itu, kerbau lari. Jadi perumpamaan itu maksudnya orang yang hanya mengikut arahan sahaja.” <i>(RB/5 Nilofa/T2/35-36)</i>
C	“Hmmm... contoh perumpamaan adalah seperti kera mendapat bunga. Maksudnya orang yang tak menghargai pemberian orang lain. Macam kera, kita bagi bunga bukan dia jaga. Nanti dia buang atau makan bunga itu.” <i>(RC/5 Nilofa/T3/37-40)</i>

Jadual 4 menunjukkan bahawa peserta kajian telah berjaya mengingati perumpamaan dan memahami maknanya. Hal ini demikian kerana peserta kajian dapat menjawab soalan berkaitan contoh perumpamaan berserta makna dengan betul dan tepat. Berdasarkan data sebelum memperkenalkan teknik PISTUM, peserta kajian memberikan jawapan yang kurang tepat dan teragak-agak untuk memberikan maksud. Setelah menggunakan teknik PISTUM, peserta kajian kelihatan lebih yakin apabila menjawab soalan berkaitan perumpamaan. Peserta kajian turut menerangkan cara mendapatkan makna perumpamaan dengan menggunakan teknik PISTUM. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa peserta kajian telah mengingati dan memahami makna perumpamaan dengan baik setelah menggunakan teknik PISTUM.

Di samping itu, dapatan temu bual tersebut juga menunjukkan bahawa pengetahuan berkaitan perumpamaan telah kukuh dalam ingatan murid. Hal ini demikian kerana peserta kajian A, B, dan C telah memberikan respons yang betul dan selari dengan hasrat pengkaji. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa peserta kajian A, B, dan C mempunyai darjah kerelevanan yang tinggi sewaktu menjawab pertanyaan daripada pengkaji. Berdasarkan teori Relevans, darjah kerelevanan peserta kajian A, B, dan C telah meningkat berbanding sebelum pengaplikasian teknik PISTUM kerana maklumat berkaitan perumpamaan telah kukuh dalam memori atau persekitaran mental mereka. Maklumat berkaitan perumpamaan telah kukuh dalam memori peserta kajian kerana teknik PISTUM ini menggunakan pengetahuan atau pengalaman sedia ada peserta kajian dalam merungkai makna perumpamaan. Apabila maklumat tersebut telah kukuh dalam memori atau persekitaran mental peserta kajian maka maklumat tersebut dapat dirujuk semula untuk memastikan proses menginterpretasi maklumat berlaku dengan mudah. Hal ini turut menyebabkan kos proses berada pada tahap yang rendah kerana tidak memerlukan usaha yang banyak untuk memproses maklumat.

Selain itu, dapatan temu bual ini juga selari dengan dapatan pemerhatian iaitu peserta kajian telah menunjukkan tingkah laku positif sewaktu PdP peribahasa. GBM telah menggunakan teknik PISTUM sebagai teknik pengajarannya pada hari tersebut. GBM telah memilih untuk menggunakan tiga perumpamaan untuk PdP pada hari tersebut, iaitu seperti telur di hujung tanduk, seperti kera mendapat bunga dan bagai isi dengan kuku. Dapatan pemerhatian mendapati bahawa kesemua peserta kajian telah bersedia dan fokus sewaktu proses PdP berlangsung. Seterusnya, peserta kajian A, B, dan C juga telah melibatkan diri secara aktif dalam PdP tersebut. Peserta kajian kelihatan bersemangat dan sentiasa mengangkat tangan untuk menjawab persoalan daripada GBM. Apabila GBM menyuruh peserta kajian menyatakan contoh peribahasa berserta maksud, peserta kajian A, B, dan C kelihatan lebih yakin dan mereka telah memberikan contoh perumpamaan berserta maksud dengan betul serta tepat.

Peserta kajian A juga telah berjaya melengkap jadual teknik PISTUM pada papan putih dengan betul. Peserta kajian A berjaya menyatakan ciri-ciri yang terdapat pada telur dan tanduk. Peserta kajian A menyatakan bahawa ciri-ciri telur adalah seperti mudah pecah dan tidak simetri manakala ciri-ciri bagi tanduk adalah mempunyai bucu yang tajam dan keras pada jadual pisah. Selepas menyenaraikan ciri-ciri tersebut, peserta kajian A menyatakan bahawa telur tersebut akan pecah sekiranya diletakkan di atas tanduk. Hal ini demikian kerana tanduk

tidak mempunyai permukaan yang rata dan telur juga tidak mempunyai saiz simetri. Berdasarkan perkaitan tersebut, peserta kajian A berjaya menyatakan maksud bagi perumpamaan bagi telur di hujung tanduk ialah orang yang suka mengambil risiko secara sia-sia. Perkara yang sama juga berlaku apabila GBM menyuruh peserta kajian B menerangkan makna bagi perumpamaan seperti kera mendapat bunga. Hal ini jelas menunjukkan bahawa teknik PISTUM telah membantu murid mengingat peribahasa dan memahami maknanya.

Selain itu, sewaktu aktiviti pembentangan hasil kerja di hadapan kelas, peserta kajian C kelihatan yakin untuk membentangkan hasil kerja kumpulan mereka. Murid-murid dikehendaki merungkai makna peribahasa menggunakan teknik PISTUM dan membina sekurang-kurangnya satu ayat berdasarkan perumpamaan yang diperolehi sewaktu aktiviti berkumpul. Peserta kajian C telah membentangkan hasil kerja kumpulannya dengan baik, iaitu peserta kajian C menerangkan cara kumpulan mereka merungkai makna bagi perumpamaan bagi isi dengan kuku dengan menggunakan teknik PISTUM. Peserta kajian C menceritakan bahawa mereka telah memilih dua subjek utama dalam peribahasa tersebut, iaitu isi dan kuku. Setelah itu, mereka menyenaraikan ciri-ciri bagi subjek tersebut seperti keras, lembut dan mudah luka. Setelah itu, peserta kajian C mengaitkan ciri-ciri tersebut dengan menggunakan 5W+1H pada bahagian situasi. Mereka menyatakan bahawa pada jari manusia, isi dan kuku tersangat rapat sehingga tidak boleh dipisahkan. Sekiranya dipisahkan juga boleh menyebabkan luka yang teruk. Oleh itu, peserta kajian C menyatakan bahawa maksud bagi perumpamaan tersebut ialah hubungan yang sangat rapat dan kumpulan tersebut juga berjaya membina ayat berdasarkan perumpamaan tersebut dengan betul iaitu hubungan Azfar dan Ahmad bagi isi dengan kuku kerana mereka berkawan sejak sekolah tadika lagi.

Dapatan pemerhatian ini selari dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Noraini dan Mascitah (2018). Noraini dan Mascitah (2018) mendapati bahawa terdapat perubahan tingkah laku, iaitu daripada negatif kepada positif kerana murid tersebut mempunyai perasaan minat atau suka terhadap pembelajaran tersebut. Perubahan tingkah laku tersebut menunjukkan bahawa proses PdP telah berjaya mengubah persepsi murid berkaitan pembelajaran tersebut. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa perubahan tingkah laku yang ditunjukkan oleh peserta kajian A, B, dan C menggambarkan bahawa teknik PISTUM telah berjaya mengubah persepsi mereka berkaitan perumpamaan.

Di samping itu, data yang diperolehi daripada peserta kajian A, B, dan C dikukuhkan lagi dengan data temu bual yang diperolehi daripada GBM. Dapatan temu bual menunjukkan bahawa GBM bersetuju teknik PISTUM mampu membantu murid mengingat peribahasa dan memahami maknanya. GBM menyatakan pendapatnya bahawa teknik PISTUM sangat membantu dari aspek pemupukan minat dan penglibatan aktif murid dalam pembelajaran perumpamaan. GBM turut menyatakan bahawa teknik PISTUM sesuai digunakan oleh murid yang lemah, sederhana, dan cemerlang kerana ada menyerapkan unsur ansur maju. Teknik PISTUM menekankan unsur ansur maju supaya murid dapat menyesuaikan diri dengan menggunakan teknik tersebut secara berperingkat.

Analisis dokumen turut dilakukan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi berkaitan persoalan kajian. Analisis dokumen dilakukan untuk membantu mengukuhkan lagi hasil dapatan temu bual dan pemerhatian. Pengkaji telah menyediakan satu set soalan yang mengandungi 20 soalan untuk mengetahui sama ada peserta kajian mengingat perumpamaan dan memahami maknanya setelah menggunakan teknik PISTUM. Jadual 5 menunjukkan perbezaan jumlah markah yang diperolehi oleh peserta kajian sebelum dan selepas menggunakan teknik PISTUM.

Jadual 5: Markah Peserta Kajian Sebelum Dan Selepas Teknik PISTUM

Peserta Kajian	Sebelum memperkenalkan teknik PISTUM		Selepas memperkenalkan teknik PISTUM
A	9/20	2/5	18/20
B	7/20	1/5	18/20
C	5/20	1/5	17/20

Berdasarkan Jadual 5, peserta kajian telah menguasai peribahasa, iaitu dapat mengingati peribahasa dan memahami maknanya dengan menggunakan teknik PISTUM. Hal ini demikian kerana peserta kajian telah mencapai tahap maksimum selepas menggunakan teknik PISTUM. Peserta kajian juga telah berjaya menjawab ketiga-tiga bahagian dalam soalan tersebut dengan baik. Ketiga-tiga bahagian dalam soalan tersebut menguji peserta kajian dari segi melengkapkan peribahasa, menyatakan maksud peribahasa dan membina ayat berdasarkan contoh peribahasa yang telah diberikan.

Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa peserta kajian A, B, dan C telah berjaya menguasai perumpamaan dari segi mengingati dan memahami maknanya. Dapatan yang diperoleh daripada temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen selepas pengaplikasian teknik PISTUM tersebut juga telah menjawab persoalan kajian dan objektif kajian juga tercapai. GBM juga bersetuju bahawa teknik PISTUM dapat meningkatkan kemahiran peserta kajian untuk mencari perkaitan antara maksud tersurat dan tersirat perumpamaan. Peserta kajian juga berjaya membina ayat mengikut konteks dengan betul berdasarkan perumpamaan yang telah diberikan. Oleh itu, hal ini jelas menunjukkan bahawa murid dapat mengingati peribahasa dan memahami maknanya dengan lebih mudah melalui pengaplikasian teknik PISTUM.

4. Kesimpulan, Cadangan dan Implikasi

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, memang tidak dapat dinafikan bahawa teknik PISTUM sememangnya telah berjaya membantu murid menguasai perumpamaan. Teknik PISTUM bukan sahaja memberikan rasa keseronokan untuk belajar malah membantu murid mengaitkan pengetahuan sedia ada mereka untuk mencari makna perumpamaan. Perkaitan pengetahuan sedia ada dengan maklumat baharu dapat mengukuhkan maklumat tersebut di dalam murid kerana mempunyai kaitan dengan perkara atau peristiwa yang berlaku di sekelilingnya. Oleh itu, hasil dapatan tersebut telah menjawab persoalan dan objektif kajian ini apabila teknik PISTUM telah berjaya membantu murid mengingati perumpamaan dan memahami maknanya dengan lebih mudah.

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan telah dikemukakan oleh pengkaji sebagai salah satu usaha untuk memastikan kajian berkaitan perumpamaan diteruskan dari masa ke masa. Antara cadangannya adalah meluaskan lagi skop kajian. Cadangan peluasan skop kajian merujuk kepada menjalankan kajian ke atas bilangan sampel yang lebih besar dan melaksanakan kajian terhadap penguasaan peribahasa lain seperti simpulan bahasa, pepatah, bidalan dan kata-kata hikmat. Hal ini demikian kerana dengan adanya skop kajian lebih luas maka lebih banyak data dan hasil dapat dikumpulkan. Ini juga dapat membantu teknik PISTUM tersebut dikembangkan dari masa ke masa untuk mengatasi masalah berkaitan peribahasa.

Selain itu, dicadangkan pada masa akan datang untuk menghasilkan sebuah kajian yang meninjau penggunaan peribahasa seperti perumpamaan dalam penulisan dan pertuturan. Kajian seperti ini dapat melihat kesesuaian murid memilih peribahasa yang digunakan dalam

penulisan atau pertuturan. Kajian ini juga dapat melihat tahap kesedaran murid tentang kepentingan penggunaan perumpamaan dalam kehidupan seharian. Seterusnya, pengkaji mencadangkan untuk menghasilkan sebuah modul lengkap bagi pengaplikasian teknik PISTUM. Modul tersebut dilengkapi dengan pelbagai jenis peribahasa seperti simpulan bahasa, bidalan dan pepatah berserta contoh penggunaan dalam ayat. Apabila modul tersebut dihasilkan, murid dapat menguasai pelbagai jenis peribahasa sekali gus mampu meningkatkan kemahiran menginterpretasi idea menggunakan peribahasa.

Di samping itu, terdapat beberapa implikasi yang diperoleh. Antaranya teknik PISTUM mampu meningkatkan kemahiran bertutur dalam kalangan murid-murid. Murid-murid yang mampu menguasai perumpamaan dapat bertutur dengan baik sekali gus mewujudkan situasi komunikasi yang berkesan. Murid yang menguasai perumpamaan mempunyai kesantunan dalam berbahasa seperti mahir dalam pemilihan kata-kata dan tidak menyentuh hak peribadi untuk menjaga air muka seseorang. Murid juga dapat mempamerkan budaya masyarakat Malaysia yang mempunyai kesopanan yang tinggi seperti memberi penghormatan kepada orang lain apabila bertutur dan menggunakan bahasa yang tidak menimbulkan kegusaran, kemarahan serta rasa tersinggung daripada pendengar.

Implikasi dapatan kajian terhadap guru pula adalah dapat membantu guru-guru Bahasa Melayu untuk mempelbagaikan teknik pengajaran di samping teknik yang telah sedia ada. Dengan adanya kepelbagaian teknik yang menarik, persepsi guru-guru Bahasa Melayu yang sudah lama dalam perkhidmatannya dapat diubah tentang kebaikan dan kepentingan teknik yang sesuai mengikut peredaran zaman. Hal ini demikian kerana murid pada zaman sekarang adalah berbeza berbanding murid pada zaman dahulu kerana mereka memerlukan sesuatu yang dapat mencungkil perasaan inkuiri dalam diri mereka. Apabila guru dapat mencungkil perasaan inkuiri dalam diri murid-murid secara tidak langsung murid berminat untuk mempelajari peribahasa. Oleh itu, dapatan kajian akan membantu guru membangkitkan motivasi intrinsik dalam diri murid-murid melalui kepelbagai teknik pengajaran yang menarik.

Akhir sekali, dapatan kajian dapat memberi sumbangan kepada bidang pendidikan di Malaysia dari sudut perkembangan ilmu. Perkembangan ilmu adalah sangat penting bagi sebuah sistem pendidikan kerana dapat memberi gambaran atau cerminan kepada negara lain bahawa masyarakat Malaysia sentiasa mengamalkan pemikiran kreatif dan kritis dalam pembangunan sistem pendidikan. Selain itu, dapatan kajian mampu membantu melahirkan modal insan yang berpengetahuan dan bertanggungjawab terhadap warisan budaya iaitu peribahasa selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Dengan adanya teknik PISTUM, murid sebagai modal insan negara mempunyai banyak pengetahuan tentang peribahasa. Hal ini menjadikan murid tersebut seorang yang berpengetahuan dan berkemampuan dalam memberi sumbangan kepada negara dari segi menyampaikan maklumat berkaitan keindahan peribahasa kepada orang lain.

Rujukan

- Abdullah Hussain. (2016). *Kamus istimewa peribahasa Melayu edisi kedua*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka
- Ani Haji Omar. (2018). *Keindahan peribahasa cerminan peribadi insan*. Selangor: PTS Akademia Sdn. Bhd.
- Faridah Abdul Rashid. (2019). *Cabaran penyelidikan dan pendidikan dalam era digital*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

- Fauziah Ibrahim et al. (2019). *Penulisan tesis kajian kualitatif dan kuantitatif*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ghazali Darussalam & Sufean Hussin. (2018). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Junaidi Kasdan. (2017). Teknik ikan (PISCES) dalam peribahasa Melayu. *Journal of language studies*. 7-9.
- Juraimi Samsani. (2019). Teknik TAKTIC membantu pengajaran dan pembelajaran simpulan bahasa. *Jurnal kajian tindakan guru*. 20-25.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad Yazed. (2018). Teknik ilustrasi meningkatkan amalan guru dalam membantu murid Tahun 4 memberi maksud simpulan bahasa. *Jurnal kajian tindakan guru*. 17-19.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. (2018). Remaja Malaysia dan peribahasa Melayu. *Kajian Pendidikan Bahasa Melayu*. 158 – 172.
- Noraini Ishak & Mascitah Mansor. (2018). Peribahasa: Gambaran minda Melayu dalam penciptaan iklan. *Jurnal Dewan Bahasa*. 14-18.
- Ridzuan Md Nasir. (2018). Melestarikan peribahasa sebagai warisan melalui pendekatan alternatif dalam pendidikan bahasa Melayu. *Jurnal kajian tindakan pendidikan*. 8-9.
- Ruslan et al. (2018). *Kerja lapangan teknik, prosedur dan aplikasi dalam geografi*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Siti Fadhilah. (2015). Belajar peribahasa melalui penggunaan teknik penceritaan dan perisian comic life. *Jurnal kajian tindakan guru*. 15-19.
- Zaid Mohd & Suhaila Idris. (2015). Kajian persamaan makna peribahasa Melayu dan peribahasa Jepun. *Jurnal pendidikan*. 10-12.